



جابتن قرهوتن نكري فيرق

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101

Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PPN.PK. (HL) 9.1 Jld 42- (13)

Tarikh : 20 Ramadan 1447H
10 Mac 2026

Pegawai Hutan Daerah

Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut dan Matang,
Kinta / Manjung dan Perak Selatan

Tuan / Puan,

PEMAKLUMAN PENUTUPAN TAMAN EKO-RIMBA DI BAWAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1447H TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447H, semua Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah **DITUTUP** Kepada pengunjung bermula pada **20 Mac 2026 hingga 23 Mac 2026** dan akan **DIBUKA SEMULA** pada **24 Mac 2026**.

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan / puan adalah dimohon untuk mempamerkan notis pemakluman seperti yang dilampirkan di semua Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri Perak untuk makluman orang awam.

4. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF)

Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan.

s.k : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat -

Kerjasama puan adalah dimohon untuk membuat hebahan dan pemakluman di laman web serta media sosial Jabatan

"PERAK SEJAHTERA 2030"

'JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK ADALAH KOMITED TERHADAP PEMATUHAN KEHENDAK MC&I (SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT) KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN'





NOTIS PENUTUPAN

Adalah dimaklumkan bahawa, semua Taman Eko-Rimba (TER) Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah DITUTUP KEPADA PENGUNJUNG bermula pada 20 Mac 2026 SEHINGGA 23 Mac 2026 sempena perayaan Aidilfitri 2026 (1447H) dan akan DIBUKA SEMULA pada 24 Mac 2026.

Sehubungan itu, semua pengunjung adalah TIDAK DIBENARKAN berkunjung atau melakukan sebarang aktiviti rekreasi di TER ini.

Sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan ini adalah di atas risiko sendiri. Pihak Pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Perak tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kerosakan, kerugian atau kemudaratan yang berlaku kepada pengunjung akibat ketidakpatuhan ini.

ARAHAN
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN